

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

SOALAN NO. 381

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Undang-undang Kualiti Benih Tanaman yang akan dibentang akan memastikan syarikat pengeluar benih menghasilkan benih yang sah dan berkualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Benih Tanaman digubal bagi mengekang penghasilan benih-benih tiruan dan benih-benih tidak sah dipasaran. Di bawah RUU ini, semua benih yang dihasilkan untuk tujuan jualan atau komersial perlu memenuhi standard kualiti yang ditetapkan. Standard kualiti yang dibangunkan di bawah RUU ini adalah berdasarkan standard-standard yang diperakukan oleh ahli Lembaga Kualiti Benih dengan mengambilkira peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi perdagangan antarabangsa.
2. Bagi syarikat yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah RUU ini boleh dikenakan kompaun, denda atau tindakan mahkamah bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan.
3. Dengan penguatkuasaan yang akan diambil di bawah peruntukan RUU ini, industri benih akan lebih mampan dan berdaya saing serta pengguna dapat memperolehi benih-benih yang sah dan berkualiti di pasaran untuk kegunaan mereka. Sekian, terima kasih.